



KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
Director General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8
Level 8, Block E8
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
Government Complex Parcel E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6077
Faks: 03-8889 4548
Laman Web: www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/1 Jld.10(55)
Tarikh : **29** Ogos 2025

Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BILANGAN 5 TAHUN 2025

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN UJIAN PENGUASAAN BAHASA
MELAYU GURU DALAM KALANGAN PEGAWAI PERKHIDMATAN
PENDIDIKAN LALUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
DI INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN

TUJUAN

Surat pekeliling ikhtisas (SPI) ini bertujuan memaklumkan Garis Panduan Pelaksanaan Ujian Penguasaan Bahasa Melayu Guru (UPBMG) dalam kalangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Laluan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di Institusi Pendidikan bawah Kementerian Pendidikan (KPM).

LATAR BELAKANG

2. Ujian Penguasaan Bahasa Melayu Guru merupakan satu daripada keberhasilan Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu 2016-2025 yang dilaksanakan kepada PPP laluan PdP khususnya guru Bahasa Melayu (BM) di semua institusi pendidikan bawah KPM. Pelaksanaan UPBMG bertujuan untuk menentukan tahap penguasaan berbahasa Melayu PPP berdasarkan Kerangka Standard Bahasa Melayu bagi meningkatkan profesionalisme keguruan.

3. Mesyuarat Profesional Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 6 Tahun 2025 pada 26 Februari 2025 telah bersetuju dan meluluskan Garis Panduan Pelaksanaan Ujian Penguasaan Bahasa Melayu Guru dalam kalangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Laluan Pengajaran dan Pembelajaran di Institusi Pendidikan bawah Kementerian Pendidikan.

PELAKSANAAN

4. Garis Panduan Pelaksanaan Ujian Penguasaan Bahasa Melayu Guru dalam kalangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Laluan Pengajaran dan Pembelajaran di Institusi Pendidikan bawah Kementerian Pendidikan yang disertakan bersama-sama SPI ini disediakan sebagai rujukan kepada semua pegawai di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan institusi pendidikan bawah KPM.

TARIKH KUAT KUASA

5. Surat pekeliling ikhtisas ini **berkuat kuasa serta-merta** mulai tarikh SPI ini dikeluarkan.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

6. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan dan memastikan kandungan SPI ini dilaksanakan oleh semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, JPN, PPD dan institusi pendidikan bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

'MALAYSIA MADANI'

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DR. MOHD AZAM BIN AHMAD)

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Merangkap Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
Kementerian Pendidikan

- s.k.
1. YB Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan
 2. YB Timbalan Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan
 3. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan
 4. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan
 5. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan
 6. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN
UJIAN PENGUASAAN BAHASA MELAYU GURU
DALAM KALANGAN PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
LALUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
DI INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

ISI KANDUNGAN

1.0	Tujuan	3
2.0	Objektif	3
3.0	Tafsiran	3
4.0	Instrumen	4
5.0	Kriteria Pemilihan Calon UPBMG	5
6.0	Penetapan Tahap UPBMG	6
7.0	Penarikan Diri dan Penangguhan Menduduki UPBMG	7
8.0	Takwim UPBMG	7
9.0	Kepentingan UPBMG	8
10.0	Peranan dan Tanggungjawab	8
11.0	Penutup	10
12.0	Carta Alir Pengurusan UPBMG	11

**GARIS PANDUAN
PELAKSANAAN UJIAN PENGUASAAN BAHASA MELAYU GURU
DALAM KALANGAN PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
LALUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

1.0 Tujuan

Garis panduan ini bertujuan untuk menjelaskan tentang pelaksanaan Ujian Penguasaan Bahasa Melayu Guru (UPBMG) dalam kalangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Laluan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP), di institusi pendidikan bawah Kementerian Pendidikan (KPM).

2.0 Objektif

Objektif UPBMG adalah untuk memastikan PPP Laluan PdP dan guru status Orang Kurang Upaya (OKU) dari segi penglihatan (buta atau rabun), anggota (spastik), pendengaran (kurang dengar/pekak), pertuturan (sengau/gagap), dan selain yang dinyatakan [perlu merujuk tatacara Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM)] yang mengajarkan mata pelajaran Bahasa Melayu (BM) perlu mencapai tahap penguasaan minimum UPBMG iaitu:

2.1 Tahap 4 bagi PPP bukan opsyen BM; dan

2.2 Tahap 5 bagi PPP opsyen BM.

3.0 Tafsiran

Tafsiran bagi terma yang digunakan dalam garis panduan ini adalah seperti yang berikut:

3.1. Kemahiran Berbahasa

Kemahiran berbahasa merangkumi empat elemen, iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis.

3.2. Tahap Penguasaan

Tahap penguasaan merujuk tahap kompetensi berbahasa yang terkandung dalam Kerangka Standard Bahasa Melayu (KSBM), iaitu Tahap 1 hingga Tahap 6.

3.3. Opsyen/Bukan Opsyen

Opsyen merujuk pengkhususan bidang ikhtisas guru. Penandaan opsyen mata pelajaran guru perlu merujuk Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 5 Tahun 2022: Pelaksanaan Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru bagi Sekolah bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

3.4. Ketua Jabatan

Ketua Jabatan merujuk Guru Besar, Pengetua dan Pengarah Institut Pendidikan Guru (IPG), kolej tingkatan enam (KTE) dan kolej vokasional (KV) KPM.

4.0 Instrumen

Instrumen UPBMG disediakan oleh MPM berdasarkan KSBM yang merupakan satu standard rujukan kecekapan berbahasa bagi pengguna bahasa Melayu pada peringkat nasional, serantau dan global. Melalui standard tersebut, kompetensi berbahasa Melayu dapat diukur bagi menentukan kualiti berbahasa penutur bahasa Melayu.

4.1. Tahap penguasaan UPBMG adalah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Deskriptor Tahap Penguasaan UPBMG

Diadaptasi daripada Kerangka Standard Bahasa Melayu (2021)

Tahap		Deskriptor KSBM
UPBMG	KSBM	
6.0	6	berupaya untuk menjana idea baharu berdasarkan bahan yang mengandungi maklumat kompleks dengan menggunakan bahasa Melayu tinggi dan berbudaya
5.5	5	berupaya untuk menilai maklumat daripada pelbagai bahan dengan menggunakan bahasa Melayu tinggi dan berbudaya
5.0		
4.5	4	berupaya untuk merumuskan idea berdasarkan perbincangan teks yang kompleks dengan menggunakan laras bahasa dan wacana secara bertatasusila
4.0		
3.5	3	berupaya untuk menyampaikan maklumat berdasarkan teks yang lazim dan diminati dengan menggunakan pelbagai jenis dan ragam ayat
3.0		
2.5	2	berupaya untuk menerangkan perihal kejiranan dan aktiviti harian dengan menggunakan kata hubung dan ayat mudah dan lazim untuk berkomunikasi
2.0		
1.0	1	berupaya untuk menyatakan perihal diri dan keluarga dengan menggunakan simbol, perkataan dan frasa mudah dan lazim

- 4.2 Instrumen UPBMG bagi calon berkeperluan khas ditentukan berdasarkan keperluan calon mengikut kemahiran bahasa yang dimohon melalui pengisian borang khas yang disediakan oleh MPM. PPP berkeperluan khas perlu menduduki UPBMG berdasarkan kemahiran bahasa yang dimohon.

5.0 Kriteria Pemilihan Calon UPBMG

- 5.1 Calon UPBMG tertakluk kepada syarat kelayakan perkhidmatan yang berikut:

- 5.1.1 PPP yang telah disahkan pelantikan dalam perkhidmatan dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya setahun; dan
- 5.1.2 PPP yang masih berbaki tiga tahun tempoh perkhidmatan sebelum persaraan.

5.2 Calon UPBMG terdiri daripada senarai yang berikut:

- 5.2.1 PPP termasuk PPP Berkeperluan Khas di sekolah rendah (sekolah aliran perdana dan sekolah pendidikan khas);
- 5.2.2 PPP termasuk PPP Berkeperluan Khas di sekolah menengah (sekolah aliran perdana dan sekolah pendidikan khas);
- 5.2.3 PPP di KTE;
- 5.2.4 PPP di KV; dan
- 5.2.5 PPP IPG.

5.3 UPBMG diwajibkan kepada PPP bukan opsyen BM dan mengajarkan mata pelajaran/kursus BM. Yuran ditanggung oleh KPM pada kali pertama menduduki UPBMG. Sekiranya tidak mencapai standard minimum yang ditetapkan, UPBMG perlu diulang ambil dengan pembiayaan sendiri.

5.4 UPBMG terbuka kepada PPP opsyen BM dan mengajarkan mata pelajaran/kursus BM. Yuran UPBMG atas pembiayaan sendiri.

6.0 Penetapan Tahap UPBMG

6.1 PPP bukan opsyen BM dan mengajarkan mata pelajaran/kursus BM perlu mencapai standard minimum UPBMG pada Tahap 4.

6.2 PPP opsyen BM dan mengajarkan mata pelajaran/kursus BM perlu mencapai standard minimum UPBMG pada Tahap 5.

7.0 Penarikan Diri dan Penangguhan Menduduki UPBMG

- 7.1 PPP yang menduduki UPBMG dengan pembiayaan yuran oleh KPM tidak dibenarkan untuk menarik diri atau menangguh tarikh ujian selepas membuat pendaftaran UPBMG pada tahun semasa. **Sekiranya tidak hadir UPBMG selepas membuat pendaftaran, PPP boleh dikenakan tindakan tatatertib dan dicatatkan dalam Buku Rekod Perkhidmatan (BRP) selaras dengan Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U. (A) 395/1993].**
- 7.2 PPP yang menarik diri atau menangguh tarikh menduduki UPBMG (yuran ditanggung oleh KPM) perlulah mengemukakan justifikasi yang kukuh untuk mendapat kelulusan daripada IPGM.
- 7.3 Calon yang menduduki UPBMG dengan menggunakan perbelanjaan sendiri tidak tertakluk kepada perkara 7.1 dan 7.2

8.0 Takwim UPBMG

Takwim UPBMG perlu dirujuk dan diperoleh melalui portal MPM. Takwim meliputi tarikh pendaftaran dan tarikh ujian serta pengumuman keputusan ujian. Keputusan UPBMG mencatatkan pencapaian tahap penguasaan UPBMG mengikut empat kemahiran dan pencapaian secara keseluruhan.

9.0 Kepentingan UPBMG

PPP yang mencapai standard minimum **UPBMG pada Tahap 5** diberi keutamaan bagi perkara yang berikut:

- 9.1 Perekodan nilai peningkatan akademik dalam Sistem Pembangunan Latihan KPM (SPLKPM) dan nilai tambah kepakaran dalam Sistem Guru Malaysia (SGMy) serta Sistem Pengurusan Sekolah bagi Modul Operasi Data Guru KPM (e-Operasi);
- 9.2 Penggubal, penilai kurikulum atau pembimbing PdP BM;
- 9.3 Pembina item atau pemeriksa kertas peperiksaan awam BM;
- 9.4 Penyemak atau penilai buku teks/bahan PdP BM; dan
- 9.5 Pemilihan calon Hadiah Latihan Persekutuan bagi bidang BM.

10.0 Peranan dan Tanggungjawab

Pihak berkepentingan bertanggungjawab untuk melaksanakan peranan berdasarkan fungsi bagi memastikan kelancaran pelaksanaan UPBMG.

10.1 Ketua Jabatan

- 10.1.1 PPP bukan opsyen BM dan mengajarkan BM di institusi pendidikan bawah KPM perlu menduduki UPBMG dan mencapai standard minimum Tahap 4;
- 10.1.2 Keputusan UPBMG yang diduduki oleh PPP di jabatan masing-masing perlu disahkan dan direkodkan dalam SPLKPM, SGMy dan e-Operasi; dan
- 10.1.3 Pengetua dan Guru Besar perlu mengutamakan PPP bukan opsyen BM yang telah menduduki UPBMG dan memperoleh standard minimum Tahap 4 sebagai satu daripada kriteria pemilihan guru yang mengajarkan BM.

10.2 Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)

- 10.2.1 Pemilihan calon layak menduduki UPBMG dengan pembiayaan yuran oleh KPM perlu mematuhi kriteria yang ditetapkan pada perkara 5.0;
- 10.2.2 Calon UPBMG yang terpilih dengan pembiayaan yuran oleh KPM perlu membuat pendaftaran dan hadir ujian mengikut takwim UPBMG yang dikeluarkan oleh MPM; dan
- 10.2.3 PPP bukan opsyen BM yang mengajarkan mata pelajaran/kursus BM perlu mengulang UPBMG sekiranya tidak mencapai standard minimum Tahap 4.

10.3 Rektor IPGM

- 10.3.1 Pengurusan pemilihan calon dan proses pelaksanaan UPBMG dengan kerjasama JPN dan MPM; dan
- 10.3.2 Pelaksanaan latihan intervensi kecekapan berbahasa sebagai pembangunan profesionalisme berterusan kepada PPP bukan opsyen yang mengajarkan BM namun tidak mencapai Tahap 4 dalam UPBMG.

10.4 Ketua Eksekutif MPM

- 10.4.1 Pemilihan pemeriksa kertas peperiksaan awam yang mencapai standard minimum Tahap 5 dalam UPBMG; dan
- 10.4.2 Pentadbiran UPBMG perlu mengikut fungsi tugas MPM.

10.5. PPP opsyen dan bukan opsyen BM yang mengajarkan mata pelajaran/bidang BM

- 10.5.1 Hadir UPBMG selepas membuat pendaftaran;
- 10.5.2 UPBMG perlu diulang ambil sekiranya tidak mencapai standard minimum yang ditetapkan bagi PPP yang menduduki UPBMG dengan pembiayaan yuran oleh KPM; dan
- 10.5.3 Salinan slip keputusan ujian UPBMG perlu diserahkan kepada Ketua Jabatan untuk direkodkan dalam SPLKPM, SGMMy dan e-Operasi.

11.0 Penutup

Garis Panduan Pelaksanaan Ujian Penguasaan Bahasa Melayu Guru dalam Kalangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Laluan Pengajaran dan Pembelajaran di Institusi Pendidikan bawah Kementerian Pendidikan ini hendaklah menjadi rujukan dan panduan kepada pihak sekolah, KV, KTE, IPG, pejabat pendidikan daerah, JPN dan pegawai di bahagian KPM dalam merancang dan mengurus pelaksanaan UPBMG supaya dapat meningkatkan kecekapan berbahasa PPP dan kompetensi PdP khususnya BM serta mengawal kualiti guru BM di institusi pendidikan bawah KPM.

12.0 CARTA ALIR PENGURUSAN UPBMG

